

# Rundingan kaedah terbaik India-Pakistan cari jalan damai

UM 15 JUN 2002

SUBANG 14 Jun — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah sukar bagi negara kecil seperti Malaysia membantu secara berkesan dalam menyelesaikan konflik antara India dan Pakistan.

Menurut beliau, jika negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat tidak mempunyai pengaruh yang berkesan dalam menangani isu dua negara itu, Malaysia tentunya lebih sukar untuk membantu.

Bagaimanapun, tegas beliau, Malaysia telah menyatakan pendiriannya bahawa rundingan adalah jalan terbaik untuk kedua-dua negara nuklear yang bertelagah itu mencari jalan damai.

“Tidak ada gunanya menggunakan konfrantasi ketenteraan, sebaliknya mereka patut berunding. Itu nendirian kita,” katanva kepada pemberita sekembalinya dari lawatan ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) hari ini.

Beliau diminta mengulas per-

mintaan Presiden Pakistan, Pervez Musharraf menerusi utusan khususnya. Naimuddin A. Shaikh supaya Dr. Mahathir memainkan peranan lebih aktif dalam mengendurkan ketegangan antara negara itu dengan India.

Permintaan itu disampaikan dalam pertemuan Najmuddin dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya, kelmarin.

Pakistan juga bersedia untuk menerima Malaysia sebagai orang tengah bagi membantu usaha menyelesaikan konflik tersebut.

Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, Malaysia sentiasa memberikan perhatian serius terhadap perkembangan yang berlaku di antara kedua-dua negara itu.

Ditanya sama ada beliau bersedia menjadi orang tengah untuk membantu menangani konflik tersebut, Perdana Menteri berkata, “Saya tidak fikir saya akan berkesan”.